



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

JKM SIAPSIAGA MENGOPERASIKAN PUSAT PEMINDAHAN SEMENTARA (PPS) DI SELURUH NEGARA

Setakat jam 10.00 pagi, 5 Mac 2023 sebanyak 299 buah Pusat Pemindahan Sementara (PPS) telah dibuka di seluruh negara yang melibatkan 5 negeri iaitu Johor (266 PPS), Pahang (23 PPS), Melaka (5 PPS), Selangor (2 PPS), dan Negeri Sembilan (3 PPS). Secara keseluruhan, seramai 46,230 mangsa daripada 13,362 keluarga terlibat dalam bencana ini.

Semua keperluan makan, minum dan keperluan asas juga telah dibekalkan kepada mangsa dan keadaan semasa di semua PPS adalah terkawal. Petugas-petugas Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di semua kawasan yang terlibat telah digerakkan untuk menguruskan mangsa-mangsa bencana banjir bersama agensi-agensi lain mengikut keperluan dan peranan masing-masing. Seramai 950 orang petugas dan sukarelawan terlibat membabitkan 350 petugas dari JKM negeri Johor dan dibantu 600 orang sukarelawan. Manakala dari segi mobilisasi, kakitangan dari negeri lain juga telah digerakkan termasuk dari ibu pejabat, Melaka dan Negeri Sembilan. JKM turut memohon bantuan daripada Jabatan Pembangunan Wanita (JPW)

Johor dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Johor.

JKM memantau secara terus perkembangan semasa situasi banjir di semua negeri. Arahan juga telah dikeluarkan agar semua petugas JKM bersiap sedia sepanjang masa walaupun yang berada di tempat yang tidak dilanda banjir untuk membantu pengurusan mangsa banjir mengikut keperluan dan keadaan semasa.

Semua barang keperluan tambahan melalui Perolehan Darurat Negeri dan Persekutuan dengan nilai **RM1.74 juta** telah sempurna diselesaikan. Agihan telah dilaksanakan sejak hari Sabtu lalu dan dilaporkan lebih 70% barangan diterima telah diagihkan ke daerah-daerah khususnya Segamat dan Batu Pahat.

Semua mangsa dan petugas-petugas di PPS juga diingatkan untuk mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).

Orang ramai yang terlibat dalam bencana banjir dinasihatkan agar mematuhi arahan pihak berkuasa untuk berpindah ke tempat yang selamat dan mereka yang berada di tempat yang berisiko mestilah sentiasa berjaga-jaga.

Bilik Gerakan JKM Johor boleh dihubungi melalui 07-228 1453. Bilik Gerakan JKM di negeri-negeri lain akan diaktifkan mengikut keperluan dan keadaan banjir semasa. Orang ramai juga boleh menghubungi Talian Kasih 15999 yang beroperasi 24 jam sekiranya perlu. Maklumat

terkini mengenai PPS di seluruh negara juga boleh diakses oleh orang ramai melalui Aplikasi InfoBencanaJKM 2.0 yang boleh dimuat turun melalui *Apps Store* dan *Play Store*.

Semua syarikat korporat, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan individu dimohon agar dapat menghulurkan bantuan dan sumbangan yang amat diperlukan oleh mangsa-mangsa banjir. Semua sumbangan boleh disalurkan terus kepada nombor akaun **160140010004801** (Alliance Bank Berhad, Yayasan Kebajikan Negara).

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

5 Mac 2023